# AKTA PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS, 1973

## (Akta 106)

### SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN


BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KUASA-KUASA MENTERI

3. Perlantikan Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai Pelindung.
4. Menteri boleh menubuhkan tempat perlindungan.
5. Lembaga Pelawat.
6. Kaedah-kaedah.

BAHAGIAN III

KUASA-KUASA MENGENAI TAHANAN DAN PENYIASATAN

7. Orang perempuan di bawah umur dua puluh satu tahun digunakan atau dilatih bagi pelacuran, dsb.
8. Mahkamah boleh memerentahkan orang-orang perempuan ditahan dalam hal-hal tertentu.
9. Orang-orang perempuan yang memerlukan perlindungan dengan segera.
10. Penyiasatan dan tahanan mengenai seseorang perempuan yang telah dibeli atau diperolehi dengan cara palsu dsb.
11. Pemindahan seseorang perempuan dari satu tempat perlindungan ke suatu tempat perlindungan lain dalam Malaysia.
12. Pemeriksaan.
13. Kuasa bagi menyaman dan memeriksa orang-orang dalam hal keadaan tertentu.
14. Tahanan bagi orang-orang perempuan menurut perintah yang dibuat di bawah undang-undang lain.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN-KESALAHAN

Seksyen

16. Kesalahan-kesalahan.
17. Anggapan berhubung dengan seksyen 16.
18. Berniaga orang-orang perempuan.
19. Orang-orang yang hidup atas pelacuran atau yang memperdagangkan pelacuran.
20. Menghapuskan tempat-tempat berkira.
21. Menghapuskan rumah-rumah sundal.
22. Mengajak-ngajak di tempat awam.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA MENGENAI PENGGELEDAHAN, PENGAMBILAN DAN PENANGKAPAN DAN PENALTI-PENALTI KERANA MENGHALANG PENJALANAN KUASA-KUASA ITU

23. Kuasa-kuasa mengenai penggeledahan, pengambilan dan penangkapan.
24. Kuasa menangkap tanpa waran.
25. Menghalang.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

26. Tahanan sementara menanti pembicaraan.
27. Sumbangan oleh ibubapa, penjaga atau orang lain.
28. Penamatan penyewaan.
29. Arahan untuk mendengar pembicaraan secara tertutup.
30. Pelapuran akhbar.
31. Pembicaraan kesalahan.
32. Perlindungan bagi pemberimaklumat.
33. Orang-orang perempuan yang ditahan hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah.
34. Kuasa-kuasa Pelindung untuk mengambil keterangan.
35. Pelindung tidak boleh menjadi saksi yang boleh dipaksa.
36. Anggapan terbit dari perintah atau saman.
37. Peruntukan mengenai penyampaian saman, dsb. yang dikeluarkan oleh Pelindung.
38. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



# AKTA PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS, 1973*

## (Akta 106)

Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perlindungan wanita dan gadis dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[*Malaysia Barat: 1.9.1973;*
*Sabah: 1.7.1981;*
*Sarawak: 1.3.1983.*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.**

(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 dan hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta* dan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini boleh ditetapkan bagi Negeri-negeri yang berlainan dalam Malaysia dan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**2. Tafsiran.**

Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"kelab" ertinya sesuatu tempat yang digunakan oleh sesuatu persatuan yang terdiri daripada dua orang atau lebih bagi apa-apa maksud atau tujuan;

**Seperti dipinda oleh P.U. (A) 193/1985 & Akta A664.*

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat;

"Lembaga Pelawat" ertinya Lembaga Pelawat yang dilantik oleh Menteri mengikut seksyen 5 bagi satu tempat perlindungan atau lebih;

"Mahkamah Mejistret" ertinya Mahkamah seseorang Mejistret Klas Pertama;

"pelacuran" ertinya perbuatan seseorang perempuan menawarkan tubuhnya untuk perhubungan jenis secara sembarangan kerana sewa samada berupa wang atau barang; dan "pelacur" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"Pelindung" ertinya Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Timbalan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, mana-mana Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Barat dan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3, dan termasuklah—

(a) berkenaan dengan Negeri Sarawak, Pegawai Utama Kebajikan, Sarawak;

(b) berkenaan dengan Negeri Sabah* Pengarah Perkhidmatan Kebajikan, Sabah; dan

(c) berkenaan dengan tiap-tiap satu Negeri di Malaysia Barat, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi Negeri itu;

"pemunya" digunakan berhubung dengan sesuatu tempat, ertinya orang yang pada masa itu mempunyai kuasa atau kewibawaan untuk menyewakan, menyewa, menjual, memajak, atau memindahak tempat itu kepada seorang lain atau yang menerima sewa tempat itu samada bagi pihaknya sendiri atau sebagai seorang ejen atau pemegang amanah bagi seseorang lain;

"penduduk" digunakan berhubung dengan sesuatu tempat, ertinya penyewa, penyewa-kecil, pemegang pajak, pemegang pajak kecil bagi sesuatu tempat itu atau seseorang yang menjaga sesuatu tempat itu samada atau tidak ia sebenarnya mendudukinya dan samada ia ada atau tidak ada kuasa menyewakan atau menyewa-kecilkannya;

*Negeri Sabah" atau "Sabah" hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Labuan".

– P.U. (A) 193/1985

bangan yang dibuat di bawah seksyen 2.

"rumah sundal" ertinya sesuatu tempat yang diduduki atau digunakan oleh mana-mana dua orang perempuan atau lebih samada pada masa yang sama atau pada masa yang berlainan bagi maksud pelacuran;

"tempat" ertinya sesuatu bangunan, rumah, pejabat, rumah pangsa, bilik atau bilik kecil atau sebahagian daripadanya dan sesuatu ruangan terbuka atau tertutup dan termasuklah sesuatu jentera terbang, kapal, bot atau sesuatu vesal samada terapung atau tidak dan sesuatu kereta;

"tempat berkira" ertinya sesuatu tempat di mana perhubungan diadakan dengan seseorang perempuan samada secara langsung atau melalui pengantara bagi maksud pelacuran;

"tempat perlindungan" ertinya sesuatu tempat perlindungan yang ditubuh atau ditetapkan di bawah peruntukan seksyen 4 Akta ini;

"tempat tumpuan awam" ertinya sesuatu tempat yang pada masa itu boleh dimasuki oleh orangawam.

## BAHAGIAN II

## KUASA-KUASA MENTERI

**3. Perlantikan Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai Pelindung.**

Tanpa menyentuh seksyen 2, Menteri, apabila berpuashati bahawa adalah mustahak berbuat demikian, boleh melantik melalui pemberitahu dalam *Warta* seseorang yang memegang jawatan sebagai seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan seseorang Pelindung di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahu itu.

**4. Menteri boleh menubuhkan tempat perlindungan.**

Menteri boleh dengan perintah menubuh atau menetapkan beberapa tempat perlindungan sebagaimana yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

**5. Lembaga Pelawat.**

Menteri boleh melantik suatu Lembaga Pelawat bagi

satu tempat perlindungan atau lebih untuk menjalankan apa-apa kewajipan dan tugas yang ditetapkan oleh Menteri melalui kaedah-kaedah dan untuk menasihatkan dan membuat syor-syor kepada Ketua Pengarah atas apa-apa perkara yang dirujukkan oleh Ketua Pengarah kepadanya.

**6. Kaedah-kaedah.**

Menteri boleh membuat keadah-kaedah secara am untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini, dan tanpa menyentuh keluasan kuasa-kuasa tersebut, boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengadakan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan—

(*a*) borang-borang yang akan digunakan bagi maksud-maksud Akta ini;

(*b*) pentadbiran sesuatu tempat perlindungan termasuk peliharaan, tahanan, tatatertib, pelepasan dan peliharaan selepas tahanan, ketiadaan sementara, nafkah, didikan dan latihan bagi orang-orang perempuan yang ditahan di bawah Akta ini;

(*c*) cara dan keadaan bagaimana dan dalam mana kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta ini akan dijalankan oleh orang-orang yang diberi kuasa-kuasa itu;

(*d*) cara bagaimana seseorang perempuan yang diletakkan dalam peliharaan seseorang yang layak dan patut boleh diperlindungi dan kewajipan-kewajipan orang yang layak dan patut itu dalam memelihara orang perempuan itu;

(*e*) keanggotaan, kewajipan-kewajipan, tugas-tugas dan acara menjalankan urusan Lembaga Pelawat; dan

(*f*) perkara-perkara yang dikehendaki supaya ditetapkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

KUASA-KUASA MENGENAI TAHANAN DAN PENYIASATAN

**7. Orang perempuan di bawah umur dua puluh satu tahun digunakan atau dilatih bagi pelacuran, dsb.**

(1) Jika Pelindung ada sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa seseorang perempuan di bawah umur dua puluh satu tahun—

(*a*) sedang dilatih atau digunakan bagi maksud pelacuran atau sesuatu maksud lucah; atau

(*b*) tinggal di rumah sundal atau kerapkali mengunjungi sesuatu rumah sundal; atau

(*c*) pada lazimnya ada bersama-sama dengan atau berada di bawah kawalan penyelenggara-penyelenggara rumah sundal atau muncikari-muncikari atau orang-orang yang bekerja dengan atau ada mempunyai kepentingan secara langsung dalam urusan yang dijalankan di rumah-rumah sundal atau berkenaan dengan pelacuran,

maka, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (6) seksyen 8, ia boleh memerintahkan supaya perempuan itu dipindahkan kepada suatu tempat perlindungan dan di sana ditahan buat sementara dan dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam.

(2) Jika Mahkamah Mejistret yang kehadapannya dibawa seseorang perempuan berpendapat bahawa perempuan itu adalah termasuk dalam bidang peruntukan subseksyen (1) maka tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (6) seksyen 8, Mahkamah itu boleh dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu memerintahkan supaya orang perempuan itu ditahan di suatu tempat perlindungan sehingga suatu penyiasatan di bawah subseksyen (3) seksyen itu untuk menyiasat berkenaan dengan hal keadaan kesnya telah selesai dan suatu lapuran mengenai penyiasatan itu telah dikemukakan kepada Mahkamah itu untuk diputuskan sama ada sesuatu waran atau perintah boleh dibuat di bawah subseksyen (4) seksyen itu berkenaan dengan perempuan itu.

**8. Mahkamah boleh memerintahkan orang-orang perempuan ditahan dalam hal-hal tertentu.**

(1) Seseorang perempuan di bawah umur dua puluh satu tahun yang dipercayai oleh Mahkamah Mejistret sebagai telah dianiayai atau dicuaikan dan didedahkan kepada bahaya akhlak dan sebagai memerlukan perlindungan boleh, tertakluk kepada subseksyen (6), dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu diperintahkan supaya dipindahkan ke suatu tempat perlindungan dan di sana ditahan sehingga suatu penyiasatan di bawah subseksyen (3) untuk menyiasat berkenaan dengan hal keadaan kesnya telah selesai dan suatu lapuran mengenai penyiasatan itu telah

dikemukakan kepada Mahkamah itu untuk diputuskan sama ada sesuatu waran atau perintah boleh dibuat di bawah subseksyen (4) berkenaan dengan perempuan itu.

(2) Jika penjaga yang sah di sisi undang-undang bagi seseorang perempuan di bawah umur lapan belas tahun membuat permintaan dengan bertulis kepada Mahkamah Mejistret supaya orang perempuan itu ditahan di sesuatu tempat perlindungan atas alasan bahawa penjaga yang sah di sisi undang-undang itu tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atasnya dan oleh itu orang perempuan itu adalah terdedah kepada bahaya akhlak, Mahkamah itu boleh dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu memerintahkan supaya perempuan itu dipindahkan ke suatu tempat perlindungan dan di sana ditahan sehingga suatu penyiasatan di bawah subseksyen (3) untuk menyiasat berkenaan dengan hal keadaan kesnya telah selesai dan suatu lapuran mengenai penyiasatan itu telah dikemukakan kepada Mahkamah itu untuk diputuskan samada suatu waran di bawah perenggan (*a*) atau sesuatu perintah di bawah perenggan (*b*) atau (*d*) subseksyen (4) boleh dibuat berkenaan dengan orang perempuan itu.

(3) Tiap-tiap penyiasatan bagi maksud seksyen 7 atau subseksyen (1) atau (2) seksyen ini hendaklah dijalankan oleh Pelindung dan diselesaikan dalam tempoh tidak lebih daripada satu bulan dari tarikh orang perempuan itu masuk ke tempat perlindungan itu menurut seksyen 7 atau seksyen-kecil (1) atau (2) seksyen ini dan suatu lapuran mengenai penyiasatan itu hendaklah dikemukakan selepas sahaja daripada itu kepada Mahkamah yang telah mengarahkan supaya penyiasatan itu dijalankan.

(4) Jika selepas penyiasatan di bawah seksyen 7 atau subseksyen (1) atau (2) seksyen ini, Mahkamah Mejistret itu berpuashati bahawa orang perempuan itu adalah memerlukan perlindungan maka, tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, Mahkamah itu boleh—

(*a*) dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu memerintahkan supaya orang perempuan itu ditahan di suatu tempat perlindungan selama suatu tempoh tiga tahun dari tarikh orang perempuan itu masuk ke tempat perlindungan itu menurut seksyen 7 atau subseksyen (1) atau (2) seksyen ini:

Dengan syarat bahawa Lembaga Pelawat bagi tempat perlindungan di mana orang perempuan itu sedang ditahan boleh mengurangkan tempoh tahanan bagi perempuan itu tetapi walau bagaimanapun tiada apa-apa pengurangan boleh dibuat hingga membolehkan orang perempuan itu dilepaskan dari tempat perlindungan itu dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh ia masuk kesitu sebagaimana dinyatakan dalam perenggan ini;

(*b*) membuat suatu perintah, di mana berkenaan, menghukum supaya perempuan itu diletakkan, selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dari tarikh perintah itu, dalam peliharaan seseorang samada seorang saudara atau tidak yang bersetuju dan yang difikirkan oleh Mahkamah itu sebagai seorang yang layak dan patut memelihara orang perempuan itu;

(*c*) membuat suatu perintah, di mana berkenaan, menghendaki ibubapa atau penjaganya mengikat suatu bon selama sesuatu tempoh tertentu tidak lebih daripada tiga tahun dari tarikh perintah itu untuk menjalankan pemeliharaan atau penjagaan yang sepatutnya ke atasnya; atau

(*d*) membuat suatu perintah meletakkan orang perempuan itu, selama sesuatu tempoh tertentu tidak lebih daripada tiga tahun dari tarikh perintah itu, di bawah pengawasan seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah itu.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, seseorang perempuan yang dihantar ke suatu tempat perlindungan untuk ditahan di bawah seksyen-kecil (4) hendaklah selepas tamat tempoh tahanannya samada kerana telah cukup masa atau oleh kerana apa-apa pengurangan yang dibuat menurut syarat kepada subseksyen (4) (*a*) itu diletakkan di bawah pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh Pelindung bagi maksud itu; dan tempoh pengawasan bagi maksud seksyen-kecil ini hendaklah ditentukan oleh Lembaga Pelawat bagi tempat perlindungan itu atas syor Pelindung:

Dengan syarat bahawa—

(*a*) tempoh pengawasan yang tersebut dalam subseksyen ini tidak boleh dalam sesuatu hal lebih daripada satu tahun dari tarikh tamatnya tempoh tahanan orang perempuan itu sama ada kerana telah

cukup masa atau oleh kerana apa-apa pengurangan yang dibuat menurut syarat kepada subseksyen (4) (*a*);

(*b*) Menteri boleh atas permohonan orang perempuan itu atau penjaganya yang sah di sisi undang-undang mengecualikan seseorang perempuan daripada peruntukan subseksyen ini jika ia berpuashati bahawa hal itu memerlukan pengecualian itu.

(6) Tiada seorang perempuan pun yang mencapai umur dua puluh satu tahun atau lebih semasa dia dibawa ke tempat perlindungan di bawah seksyen 7 atau subseksyen (1) seksyen ini boleh ditahan di tempat itu.

(7) *(Dipotong oleh Akta A664).*

(8) *(Dipotong oleh Akta A664).*

(9) *(Dipotong oleh Akta A664).*

(10) Tanpa menyentuh kuasa Lembaga Pelawat menurut syarat kepada subseksyen (4) (*a*) Mahkamah Mejistret boleh, atas permohonan bertulis yang dibuat oleh Pelindung, atau oleh penjaga yang sah di sisi undang-undang bagi orang perempuan yang dimaksudkan oleh waran atau perintah yang dibuat di bawah seksyen ini atau oleh orang perempuan itu, meminda, mengubah atau menarikbalik mana-mana waran atau perintah itu jika Mahkamah itu berpuashati bahawa adalah untuk kepentingan orang perempuan itu berbuat demikian itu.

(11) Sesuatu waran atau perintah boleh dibuat di bawah seksyen 7 (2) atau subseksyen (1) atau (4) seksyen ini jika ibubapa atau penjaga orang perempuan itu, setelah dikehendaki hadir di sesuatu pembicaraan yang diadakan bagi memutuskan samada waran atau perintah itu boleh dibuat, tidak hadir seperti dikehendaki itu atau jika ibubapa atau penjaga itu tidak ada atau tidak boleh dijumpai dalam masa yang menasabah bagi maksud pembicaraan itu tetapi kecuali sebagaimana tersebut di atas tiada sesuatu waran atau perintah itu boleh dibuat tanpa memberi ibubapa atau penjaga itu suatu peluang untuk hadir dan didengar.

**9. Orang-orang perempuan yang memerlukan perlindungan dengan segera.**

(1) Seseorang perempuan boleh, atas permohonannya sendiri dengan bertulis, diterima oleh Pelindung masuk ke suatu tempat perlindungan jika ia berpuashati bahawa orang perempuan itu memerlukan perlindungan dengan segera oleh kerana ada sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa—

(*a*) ianya sedang diugut atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran atau bagi maksud melakukan persetubuhan dengan seorang lain atau bagi sesuatu maksud lucah; atau

(*b*) ianya akan dikurung atau ditahan oleh seorang lain bersalahan dengan mana-mana peruntukan Akta ini; atau

(*c*) suatu kesalahan terhadap Akta ini sedang atau mungkin dilakukan berkenaan dengan orang perempuan itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4), dan jika hal keadaan memerlukannya, orang yang menjaga sesuatu tempat perlindungan boleh menerima masuk ke tempat perlindungan itu seseorang perempuan yang memerlukan perlindungan dengan segera dan yang membuat suatu permohonan di bawah seksyen ini kepada orang yang menjaga yang tersebut itu.

(3) Jika orang yang menjaga suatu tempat perlindungan itu menerima seseorang perempuan di bawah subseksyen (2) yang lalu di atas, orang perempuan itu hendaklah di bawa ke hadapan Pelindung dalam tempoh dua puluh empat jam selepas ia masuk ke tempat perlindungan itu dengan suatu lapuran penuh mengenai hal keadaannya.

(4) Seseorang perempuan yang diterima masuk di bawah seksyen ini adalah dibenarkan tinggal di tempat Perlindungan itu hanya selama Pelindung berpuashati bahawa orang perempuan itu adalah memerlukan perlindungan yang segera di bawah seksyen ini.

**10. Penyiasatan dan tahanan mengenai seseorang perempuan yang telah dibeli atau diperolehi dengan cara palsu dsb.**

(1) Jika Pelindung ada sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa—

(*a*) seseorang perempuan telah dibawa masuk ke Malaysia atau akan dihantar keluar dari Malaysia dan penjagaan orang perempuan itu telah diperolehi,

samada selepas dibeli atau dengan jalan tipuan, pernyataan palsu, atau cara palsu, samada atau tidak bagi maksud pelacuran; atau

(b) seseorang perempuan telah diperolehi samada dalam atau luar Malaysia bagi maksud digunakan, dilatih atau diberikan sebagai seorang pelacur; atau

(c) seseorang perempuan sedang ditahan bertentangan dengan kemahuannya bagi maksud pelacuran atau bagi maksud lucah, atau bagi maksud dihantar keluar dari Malaysia bersalahan dengan perenggan ini,

Pelindung boleh memerintahkan perempuan itu dipindahkan ke suatu tempat perlindungan dan di sana ditahan bagi sementara dan dibawa ke hadapan Mahkamah Mejistret dalam tempoh dua puluh empat jam.

(2) Jika Mahkamah Mejistret yang kehadapannya seseorang perempuan dibawa menurut subseksyen (1) berpendapat bahawa orang perempuan itu termasuk dalam bidang peruntukan subseksyen (1), Mahkamah itu boleh dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu memerintahkan orang perempuan itu ditahan di suatu tempat perlindungan sehingga hal keadaan kesnya telah disiasat dan suatu lapuran berhubung dengannya telah dikemukakan kepada Mahkamah itu oleh Pelindung; dengan syarat bahawa penyiasatan atau lapuran itu hendaklah dibuat dan diselesaikan dalam sesuatu tempoh tidak lebih daripada satu bulan dari tarikh orang perempuan itu masuk ke tempat perlindungan itu.

(3) Jika selepas penyiasatan yang tersebut dalam subseksyen (2) Mahkamah Mejistret itu berpuashati bahawa perempuan itu adalah memerlukan perlindungan maka Mahkamah itu boleh—

(a) dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu memerintahkan supaya orang perempuan itu di tahan di suatu tempat perlindungan selama sesuatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah itu demi kepentingan orang perempuan itu dan peruntukan subseksyen (10) dan (11) seksyen 8 hendaklah dipakai berkenaan dengan sesuatu tahanan di bawah perenggan ini sebagaimana ianya dipakai bagi sesuatu tahanan yang dibuat di bawah seksyen itu; atau

(b) membuat suatu perintah meletakkan orang perempuan itu di bawah pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh Mahkamah bagi sesuatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah demi kepentingan orang perempuan itu; dan peruntukan subseksyen (10) dan (11) seksyen 8 hendaklah dipakai berkenaan dengan sesuatu perintah yang dibuat di bawah perenggan ini sebagaimana ianya dipakai bagi sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen itu.

**11. Pemindahan seseorang perempuan dari satu tempat perlindungan ke suatu tempat perlindungan lain dalam Malaysia.**

Tanpa menyentuh mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan imigresen, apabila sesuatu waran atau sesuatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 7, 8 atau 10 atau di bawah subseksyen (3) seksyen 26 untuk menahan seseorang perempuan di sesuatu tempat perlindungan dan Ketua Pengarah berpendapat adalah mustahak demi kepentingan orang itu supaya ianya dipindahkan dari tempat perlindungan itu ke suatu tempat perlindungan lain dalam Malaysia maka sahlah bagi Ketua Pengarah mengeluarkan suatu perintah supaya orang itu dipindahkan sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada seseorang perempuan yang dipindahkan ke sesuatu tempat perlindungan untuk ditahan atas permintaan penjaganya yang sah di sisi undang-undang menurut subseksyen (2) seksyen 8 boleh dipindahkan sedemikian dari tempat perlindungan itu kecuali dengan kelulusan bertulis penjaganya yang sah di sisi undang-undang.

**12. Pemeriksaan.**

(1) Jika sesuatu perintah dibuat di bawah Akta ini meletakkan seseorang perempuan di bawah peliharaan seorang yang layak dan patut atau menghendaki ibubapa atau penjaga perempuan itu menjalankan pemeliharaan atau penjagaan yang sepatutnya ke atasnya, Pelindung atau seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberikuasa secara am atau khas bagi maksud itu dengan bertulis oleh Pelindung boleh selama perintah itu berkuatkuasa pada bila-bila masa melawat dan memeriksa tempat di mana orang

perempuan itu tinggal atau dipercayai tinggal menurut perintah itu.

(2) Pelindung atau seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang tersebut dalam subseksyen (1) boleh menyiasat tentang keadaan dan hal ehwal seseorang perempuan yang tersebut dalam subseksyen itu dan bagi maksud penyiasatan itu Pelindung atau pegawai sebagaimana tersebut di atas boleh menghendaki seseorang menjawab dengan benar apa-apa soalan berhubung dengannya:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab sesuatu soalan yang jawapan baginya boleh mendedahkan ia kepada suatu pertuduhan jenayah.

**13. Kuasa bagi menyaman dan memeriksa orang-orang dalam hal keadaan tertentu.**

(1) Pelindung boleh, dengan menggunakan suatu borang yang ditetapkan, menyaman seseorang yang pada pendapatnya boleh memberi sesuatu maklumat—

(*a*) berkenaan dengan seseorang perempuan yang mengenainya ia ada sesuatu sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini adalah atau mungkin dilakukan atau yang terhadapnya ia ada sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa tindakan kena atau mungkin diambil di bawah seksyen 7, 8 atau 10; atau

(*b*) berkenaan dengan sesuatu tempat yang ia ada sebab yang menasabah bagi mempercayai sedang digunakan sebagai suatu rumah sundal atau suatu tempat berkira atau bagi maksud pelacuran.

(2) Seseorang yang disaman di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah—

(*a*) hadir pada waktu dan tempat yang dinyatakan dalam saman itu;

(*b*) atas permintaan Pelindung mengemukakan apa-apa barang dan suratan yang ada dalam jagaan, milek atau kawalannya berhubung dengan orang perempuan atau tempat itu, mengikut mana yang berkenaan;

(*c*) menjawab dengan benar segala soalan yang mungkin dikemukakan kepadanya oleh Pelindung berkenaan dengan mana-mana orang perempuan atau tempat itu atau dengan apa-apa cara berhubung dengan perkara yang sedang disiasat itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab sesuatu soalan yang jawapan baginya boleh mendedahkan ia kepada suatu pertuduhan jenayah; dan

(*d*) jika penyiasatan itu adalah berhubung dengan seseorang perempuan, dan jika dikehendaki oleh Pelindung, mengemukakan orang perempuan itu, melainkan jika dapat dibuktikan dengan memuaskan hati Pelindung bahawa orang perempuan itu tidak lagi berada di bawah jagaan atau kawalan orang yang disaman itu dan bahawa tempat di mana orang perempuan itu berada tidak diketahui oleh orang yang disaman itu.

**14. Tahanan bagi orang-orang perempuan menurut perintah yang dibuat di bawah undang-undang lain.**

(1) Apabila seseorang perempuan dihukum supaya ditahan di suatu tempat perlindungan yang ditubuh atau ditetapkan di bawah Akta ini menurut suatu perintah yang dikeluarkan di bawah mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, iaitu peruntukan berhubung dengan perlindungan atau pemeliharaan orang-orang perempuan maka perintah itu hendaklah menjadi suatu kuasa yang mencukupi untuk memasukkan dan menahan orang perempuan itu di tempat perlindungan itu.

(2) Tertakluk kepada seksyen 27 dan 33, tahanan bagi seseorang perempuan yang diberikuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan hanya mengikut had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perintah yang berhubung dengannya itu dan tidak boleh disifatkan sebagai suatu tahanan di bawah Akta ini.

**15. Perkecualian.**

Tiada apa-apa jua yang dilakukan menurut peruntukan-peruntukan Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan pendakwaan seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN-KESALAHAN

**16. Kesalahan-kesalahan.**

(1) Seseorang yang—

(a) menjual, menyewakan atau dengan cara lain memberikan atau membeli atau menyewa atau dengan cara lain memiliki seseorang perempuan dengan niat supaya orang perempuan itu diberikerja atau digunakan bagi maksud pelacuran, samada dalam atau luar Malaysia, atau dengan mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa orang perempuan itu akan diberikerja atau digunakan sedemikian;

(b) memperolehi seseorang perempuan bagi maksud pelacuran samada dalam atau luar Malaysia atau supaya melakukan persetubuhan kecuali dengan jalan perkahwinan dengan seseorang lain samada dalam atau luar Malaysia;

(c) dengan cara ugutan atau dengan menakut-nakutkan memperolehi seseorang perempuan bagi maksud pelacuran samada dalam atau luar Malaysia atau supaya melakukan persetubuhan dengan seseorang lain samada dalam atau luar Malaysia;

(d) dengan atau di bawah apa-apa cara palsu, pernyataan palsu, atau cara tipuan atau perdayaan yang dibuat atau digunakan dalam atau luar Malaysia, membawa masuk atau menolong membawa masuk ke Malaysia, atau membawa keluar atau menolong membawa keluar dari Malaysia, seseorang perempuan dengan niat supaya orang perempuan itu diberikerja atau digunakan bagi maksud pelacuran, samada dalam atau luar Malaysia, atau dengan mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa orang perempuan itu akan diberikerja atau digunakan sedemikian;

(e) membawa masuk ke Malaysia, menerima atau melindungi seseorang perempuan dengan mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa orang perempuan itu telah diperolehi bagi maksud melakukan persetubuhan, kecuali dengan jalan perkahwinan, dengan seseorang lain atau bagi maksud pelacuran, samada dalam atau luar Malaysia, dan dengan niat hendak membantu maksud itu;

(f) mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa seseorang perempuan telah diperolehi dengan jalan ugutan atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran atau melakukan persetubuhan dengan seseorang lain, samada dalam atau luar Malaysia, menerima atau melindungi orang perempuan itu dengan niat hendak membantu maksud itu;

(g) mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa seseorang perempuan telah dibawa masuk ke Malaysia dalam hal keadaan sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (d) subseksyen ini atau telah dijual, disewakan atau disewa atau dibeli dalam hal keadaan sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (a) subseksyen ini, atau bersalahan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, menerima atau melindungi orang perempuan itu dengan niat supaya orang perempuan itu diberikerja atau digunakan bagi maksud pelacuran samada dalam atau luar Malaysia;

(h) menahan seseorang perempuan di sesuatu rumah sundal bertentangan dengan kemahuannya;

(i) menahan seseorang perempuan di sesuatu tempat bertentangan dengan kemahuannya dengan niat supaya orang perempuan itu diberikerja atau digunakan bagi maksud pelacuran atau bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau yang lucah;

(j) dengan cara sesuatu iklan atau pemberitahu lain yang disiarkan dengan apa-apa cara atau ditunjukkan di sesuatu tempat, menawarkan seseorang perempuan bagi maksud pelacuran atau mendapatkan maklumat bagi maksud itu atau seseorang yang menerima iklan atau pemberitahu itu untuk disiar atau ditunjukkan;

(k) bertindak sebagai pengantara bagi pihak seorang lain atau menjalankan kawalan atau pengaruh ke atas pergerakan seorang lain dengan cara yang menunjukkan bahawa orang itu adalah membantu atau menyubahati atau mengawal pelacuran orang lain itu;

(l) melakukan persetubuhan dengan seseorang perem-

(m) mencuba melakukan sesuatu perbuatan bersalahan dengan seksyen ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

(2) Seseorang lelaki yang disabitkan atas kesalahan kali kedua atau kali kemudian di bawah perenggan (a) hingga (i) atau perenggan (k) atau (l) subseksyen (1) boleh dikenakan hukum sebat selain daripada sesuatu tempoh penjara yang dikenakan berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Adalah menjadi suatu pembelaan yang cukup terhadap sesuatu pertuduhan di bawah subseksyen (1) (l) bahawa orang yang dipertuduh itu telah ada sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa orang perempuan itu telah berumur enam belas tahun atau lebih.

**17. Anggapan berhubung dengan seksyen 16.**

Bagi maksud seksyen 16, maka hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa—

(a) seseorang yang membawa masuk atau mengarahkan supaya dibawa masuk seseorang perempuan ke sesuatu rumah sundal telah memberikan orang perempuan itu dengan niat atau pengetahuan yang tersebut dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 16;

(b) seseorang yang menerima seseorang perempuan masuk ke sesuatu rumah sundal atau melindungi seseorang perempuan dalam sesuatu rumah sundal telah memiliki orang perempuan itu dengan niat atau pengetahuan yang tersebut dalam perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 16;

(c) seseorang telah menahan seseorang perempuan di sesuatu rumah sundal atau di sesuatu tempat bertentangan dengan kemahuan perempuan itu jika, dengan niat hendak memaksa atau mendorong orang perempuan itu supaya tinggal di dalamnya, orang itu—

(i) tidak memberi kepada orang perempuan itu apa-apa barang pakaian atau apa-apa harta ... atau

(ii) jika barang pakaian atau apa-apa harta lain telah dipinjamkan atau disewakan atau diberikan kepada orang perempuan itu, mengugut orang perempuan itu bahawa ia akan mengambil tindakan undang-undang jika orang perempuan itu membawa pergi barang pakaian atau harta itu, atau

(iii) mengugut orang perempuan itu bahawa ia akan mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut apa-apa hutang atau hutang yang dikatakan atau menggunakan apa-apa jua ugutan lain; atau

(iv) tanpa sesuatu kuasa yang sah di sisi undang-undang menahan kad pengenalan perempuan itu yang dikeluarkan di bawah undang-undang berhubung dengan pendaftaran negara.

**18. Berniaga orang-orang perempuan.**

Seseorang yang membeli, menjual, berniaga, atau memperolehi atau membawa masuk ke Malaysia atau membawa keluar dari Malaysia seseorang perempuan bagi maksud perniagaan itu, dan samada atau tidak bagi maksud pelacuran pada masa itu atau kemudiannya, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

**19. Orang-orang yang hidup atas pelacuran atau yang memperdagangkan pelacuran.**

(1) Seseorang yang dengan diketahuinya hidup dengan sepenuh atau sebahagiannya atas pendapatan dari pelacuran seorang lain adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-keduanya.

(2) Seseorang lelaki yang disabitkan atas kesalahan kali kedua atau kali kemudian di bawah seksyen ini boleh dikena-

an sebat selain daripada sesuatu tempoh penjara yang ikenakan berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Jika seseorang dibuktikan sebagai hidup bersama engan atau lazimnya bersama dengan seorang atau beberpa orang pelacur atau sebagai telah menjalankan kawalan, rahan atau pengaruh ke atas pergerakan seorang atau eberapa orang pelacur dengan cara yang menunjukkan ahawa orang itu adalah membantu, menyubahati atau meaksa pelacurannya atau pelacuran mereka dengan seserang lain atau pada amnya, maka orang itu hendaklah ka tidak dibuktikan sebaliknya disifatkan sebagai hidup engan diketahuinya atas pendapatan dari pelacuran.

**0. Menghapuskan tempat-tempat berkira.**

Seseorang yang menyelenggara, mengurus atau menoong mengurus sesuatu tempat berkira atau menyelenggara, nengurus atau menolong mengurus sesuatu persatuan, nstitusi, kelab atau sesuatu tempat tumpuan awam jika premis bagi persatuan, institusi, kelab atau tempat tumpuan awam itu atau mana-mana bahagian premis itu adalah dengan pengetahuan atau kepercayaannya sedang digunakan sebagai suatu tempat berkira, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya; dan atas sabitan kali kedua atau kali kemudian orang itu boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

**21. Menghapuskan rumah-rumah sundal.**

(1) Seseorang ... menyelenggara atau mengurus atau ... sundal adalah melaku... ni.

... sesuatu tempat ... sesuatu ... ya

... bagai suatu rumah sundal adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini.

(3) Seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya; dan atas sabitan kali kedua atau kali kemudian boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

**22. Mengajak-ajak di tempat awam.**

Seseorang yang mengajak-ngajak atau mendesak-desak di sesuatu tempat tumpuan awam bagi maksud pelacuran atau sesuatu maksud lucah adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

## BAHAGIAN V

### KUASA-KUASA MENGENAI PENGGELEDAHAN, PENGAMBILAN DAN PENANGKAPAN DAN PENALTI-PENALTI KERANA MENGHALANG PENJALANAN KUASA-KUASA ITU

**23. Kuasa-kuasa mengenai penggeledahan, pengambilan dan penangkapan.**

(1) Jika seseorang Mejistret ada sebab bagi mempercayai bahawa seseorang perempuan adalah sedang disembunyikan, dikurung atau ditahan di sesuatu tempat bersalahan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau bahawa sesuatu kesalahan terhadap Akta ini telah atau sedang dilakukan disesuatu tempat, Mejistret itu boleh mengeluarkan suatu waran membenarkan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspekter untuk—

(*a*) memasuki dan menggeledah tempat itu;

(*b*) mengambil dan menahan apa-apa barang atau suratan berhubung dengan kesalahan itu;

(*c*) memeriksa dan menangkap seseorang yang menasabah dipercayai sebagai boleh kena didakwa atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; dan

[illegible] tempat perlindungan untuk ditahan di sana bagi maksud menyiasat berkenaan dengan hal keadaan kes itu mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian III.

(2) Jika seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspekter berpendapat bahawa seseorang perempuan sedang disembunyikan, dikurung atau ditahan di sesuatu tempat bersalahan dengan Akta ini atau bahawa sesuatu kesalahan terhadap Akta ini telah atau sedang dilakukan di sesuatu tempat dan ia ada alasan-alasan bagi mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan yang akan berlaku dalam mendapatkan sesuatu waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin kecewa ia boleh, jika dibenarkan dengan bertulis secara am atau secara khas untuk berbuat demikian oleh Pelindung, memasuki dan menggeledah tempat itu seolah-olah ia diberikuasa berbuat sedemikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).



**24. Kuasa menangkap tanpa waran.**

(1) Seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspekter boleh menangkap tanpa waran—

(*a*) seseorang yang dijumpai melakukan atau mencuba melakukan atau menggunakan atau membantu seseorang lain supaya melakukan atau menyubahati berlakunya sesuatu kesalahan terhadap Akta ini; dan

(*b*) seseorang yang mengenainya ada sesuatu alasan yang menasabah bagi mempercayai bahawa ia boleh kena didakwa atas sesuatu kesalahan terhadap Akta ini,

dan boleh memeriksa seseorang yang ditangkap sedemikian.

(2) Seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap seseorang yang kelihatan melakukan kesalahan terhadap peruntukan seksyen 22.

(3) Tiada seseorang perempuan boleh diperiksa menurut Bahagian ini kecuali oleh seorang perempuan lain.

[illegible] pegawai yang diberikuasa dengan sempurna olehnya pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta ini; atau

(*b*) menghalang atau merintangi atau mencuba menghalang atau merintangi seseorang pegawai polis dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta ini; atau

(*c*) tidak hadir pada waktu dan tempat yang dinyatakan dalam saman yang dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen 13 atau tidak melakukan mana-mana daripada perbuatan lain yang tersebut dalam subseksyen (2) seksyen 13,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

## BAHAGIAN VI

## PELBAGAI

**26. Tahanan sementara menanti pembicaraan.**

(1) Sesuatu Mahkamah yang menyiasat atau membicarakan sesuatu kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama (kemudian daripada ini dalam seksyen ini dan Jadual Pertama itu disebut sebagai kesalahan berjadual) boleh dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah memerintahkan supaya seseorang perempuan yang mengenainya suatu kesalahan berjadual dikatakan telah dilakukan dan yang pada pendapat Mahkamah itu adalah memerlukan perlindungan ditahan bagi sementara sehingga pembicaraan terhadap orang yang dipertuduh itu diputuskan.

(2) Jika sesuatu perintah dibuat berkenaan dengan seseorang perempuan di bawah subseksyen (1) Pelindung boleh menerima orang perempuan itu dalam suatu tempat perlindungan dan menahannya di sana sehingga pembicaraan diputuskan.

(3) Walaupun pembicaraan itu diputuskan Mahkamah

boleh, apabila suatu permohonan bagi maksud itu dibuat oleh Pelindung dan berpuashati bahawa orang perempuan itu memerlukan perlindungan, dengan waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah memerintahkan supaya orang perempuan itu ditahan di suatu tempat perlindungan mengikut peruntukan subseksyen (3) (a) seksyen 10.

**27. Sumbangan oleh ibubapa, penjaga atau orang lain.**

(1) Jika sesuatu perintah dibuat oleh Pelindung di bawah seksyen 7 (1) menghantar seseorang perempuan ke suatu tempat perlindungan untuk ditahan bagi sementara atau jika seseorang perempuan diterima masuk ke suatu tempat perlindungan menurut seksyen 9 atau dimasukkan ke suatu tempat perlindungan untuk ditahan menurut seksyen 14, maka adalah menjadi kewajipan ibubapa, penjaga atau orang lain yang telah menjaga orang perempuan itu sebelum ianya ditahan atau diterima masuk ke tempat perlindungan itu untuk memberi sumbangan terhadap nafkah perempuan itu dan Pelindung boleh membuat suatu perintah ke atas ibubapa, penjaga atau orang lain itu menghendaki salah seorang daripada mereka memberi apa-apa sumbangan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pelindung:

Dengan syarat bahawa sesuatu perintah sumbangan yang dibuat di bawah subseksyen ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa apabila suatu perintah sumbangan berhubung dengan nafkah orang perempuan itu juga dibuat kemudiannya oleh Mahkamah menurut subseksyen (2).

(2) Apabila sesuatu waran atau perintah dibuat di bawah Akta ini supaya seseorang perempuan ditahan di suatu tempat perlindungan atau supaya diletakkan dalam peliharaan seseorang yang layak dan patut, mengikut mana yang berkenaan, Mahkamah yang mengeluarkan waran atau perintah itu boleh pada masa itu juga atau kemudiannya membuat suatu perintah sumbangan ke atas ibubapanya, penjaganya atau orang lain yang telah menjaga orang perempuan itu sebelum daripada dibuat waran itu atau perintah menghendaki supaya ibubapa, penjaga atau orang lain itu memberi apa-apa sumbangan dengan apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah terhadap nafkah perempuan itu.

(3) Jika sesuatu perintah sumbangan dibuat menurut subseksyen (2) maka adalah menjadi kewajipan ibubapa, penjaga atau orang lain yang ke atasnya perintah sumbangan itu dibuat supaya mematuhi perintah sumbangan itu.

(4) Mahkamah boleh, dari semasa ke semasa apabila dibuktikan sesuatu perubahan tentang hal keadaan ibubapa, penjaga atau orang yang ke atasnya perintah sumbangan itu dibuat atau kerana sesuatu sebab baik yang lain yang diketahui dengan memuaskan hati Mahkamah, menamatkan atau mengubah perintah itu atau membuat suatu perintah sumbangan yang baharu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(5) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh dibuat ke atas seseorang ibubapa atau penjaga atau orang lain sebagaimana tersebut dalam subseksyen-subseksyen itu yang tidak menghadiri penyiasatan yang tersebut dalam seksyen 7 atau seksyen 8 (1) atau (2) atau seksyen 10 (2) setelah dikehendaki berbuat sedemikian tetapi kecuali sebagaimana tersebut di atas itu tiada sesuatu perintah itu boleh dibuat tanpa memberi ibubapa atau penjaga atau orang lain itu suatu peluang untuk didengar.

(6) Sesuatu perintah sumbangan di bawah seksyen ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga orang perempuan yang dinyatakan dalam perintah itu tidak lagi ditahan dalam tempat perlindungan itu atau di bawah peliharaan orang yang layak dan patut mengikut mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa sumbangan akan diberi di bawah sesuatu perintah sumbangan selama tempoh orang perempuan yang tersebut dalam perintah sumbangan itu bercuti dari tempat perlindungan itu atau dari peliharaan orang yang layak dan patut sebagaimana dibenarkan oleh Pelindung.

(7) Jika seseorang bersengaja cuai daripada mematuhi sesuatu perintah sumbangan, seseorang Mejistret boleh bagi tiap-tiap perlanggaran terhadap perintah itu dengan waran mengarahkan supaya jumlah wang yang terhutang itu dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melevi denda-denda yang dikenakan oleh Mejistret-Mejistret, atau boleh menjatuhkan hukum penjara ke atas orang itu selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap satu bulan sumbangan masih tidak dibayar; dengan syarat, bagaimanapun, tempoh bagi penjara yang dikenakan kerana keengkaran membayar sumbangan itu hendaklah tamat apabila sumbangan itu dijelaskan.

(8) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang—

(a) Pelindung daripada mengecualikan seseorang ibubapa, penjaga atau seseorang lain dari keperluan memberi sesuatu sumbangan terhadap nafkah seseorang perempuan yang sedang ditahan di suatu tempat perlindungan menurut seksyen 7 (1) atau yang diterima di suatu tempat perlindungan menurut seksyen 9 atau dimasukkan ke suatu tempat perlindungan untuk ditahan menurut seksyen 14; atau

(b) Mahkamah daripada mengecualikan seseorang ibubapa, penjaga atau seseorang lain dari keperluan memberi sesuatu sumbangan terhadap nafkah seseorang perempuan yang sedang di bawah tahanan di suatu tempat perlindungan atau yang diletakkan dalam peliharaan seorang yang layak dan patut di bawah Akta ini,

jika Pelindung atau Mahkamah itu, mengikut mana yang berkenaan, berpuashati bahawa hal keadaan ibubapa, penjaga atau orang lain itu tidak memerlukan sumbangan itu diberi.

**28. Penamatan penyewaan.**

(1) Apabila penduduk sesuatu tempat disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 20 atau 21 mengenai tempat itu, pemunya tempat itu hendaklah dalam tempoh satu bulan menghendaki orang yang sedemikian disabitkan itu, supaya menyerahkan milik tempat itu kepada pemunyanya, dan jika sekiranya orang yang sedemikian disabitkan itu tidak menyerahkan milik tempat itu dalam tempoh satu bulan daripada dikehendaki sedemikian sebagaimana tersebut di atas, pemunya tempat itu adalah berhak menamatkan pajakan atau kontrek penyewaannya, tetapi tanpa menyentuh hak-hak atau remidi-remidi bagi sesuatu pihak kepada pajakan atau kontrek itu, yang terakru sebelum tarikh penamatan itu.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan pengawalan sewa, jika pemunya bagi sesuatu tempat telah menamatkan pajakan atau kontrek penyewaan itu mengikut peruntukan subseksyen (1) dan penduduk itu tidak menyerahkan milik tempat itu selepas penamatan itu, Mahkamah Mejistret boleh, atas permohonan pemunya itu, membuat suatu perintah terus supaya milik tempat itu diserahkan kepada pemunya itu.

(3) Jika penduduk itu tidak menurut sesuatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah peruntukan subseksyen (2), penduduk itu boleh dikenakan penalti yang ditetapkan bagi maksud itu dalam seksyen 188 Kanun-kanun Kesiksaan yang dipakai masing-masing bagi Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.

**29. Arahan untuk mendengar pembicaraan secara tertutup.**

Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan pembicaraan Mahkamah secara tertutup, mana-mana Mahkamah boleh, menurut budibicaranya, memerintahkan supaya mana-mana atau semua orangawam jangan dibenarkan masuk dalam kesemua atau mana-mana bahagian penyiasatan yang diadakan di bawah Akta ini atau sesuatu pembicaraan atau pendengaran sesuatu rayuan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang dikatakan sebagai telah dilakukan di bawah Akta ini.

**30. Pelapuran akhbar.**

(1) Tiada sesuatu lapuran akhbar mengenai sesuatu pembicaraan di bawah Akta ini yang dijalankan dalam mana-mana Mahkamah boleh menyiarkan nama, alamat atau gambarfoto atau apa-apa butir yang dikira akan membawa kepada pengenalan seseorang perempuan yang mengenainya sesuatu penyiasatan dijalankan atau yang terhadapnya sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dikata telah dilakukan.

(2) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah jika Mahkamah memerintahkan sedemikian juga dipakai bagi mana-mana saksi lain yang berkenaan dengan sesuatu pembicaraan itu.

(3) Peruntukan seksyen ini hendaklah berkuatkuasa tanpa menyentuh peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan penyiaran pembicaraan Mahkamah.

(4) Seseorang yang menyiarkan sesuatu perkara bersalahan dengan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun

atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

**31. Pembicaraan kesalahan.**

